

Kosmo 6/7/06 Cns 11)

Dua bahasa tak cukup – Adham

SHAH ALAM – Menguasai bahasa Inggeris dan Melayu dalam dunia yang semakin mencabar dan tanpa sempadan kini dilihat sudah tidak mencukupi, kata Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham Baba.

Sebaliknya, kata Adham para pelajar di institusi pengajian tinggi perlu turut menguasai bahasa ketiga dalam era globalisasi ketika ini.

“Kalau boleh kuasai bahasa Mandarin, Arab atau Jepun sebagai nilai tambah bagi meningkatkan ilmu pengetahuan sekali gus mampu berkomunikasi secara lebih meluas.

“Ia juga memberi peluang pekerjaan yang cerah kepada setiap pelajar apabila keluar dari universiti kelak.

“Persaingan pekerjaan semakin sengit, mereka yang memiliki ijazah kelas tinggi, pemikiran kreatif dan analitikal

tidak cukup untuk membantu mereka,” katanya ketika menyampaikan ucapan kepada pelajar-pelajar baru Universiti Teknologi Mara (UiTM) semasa Majlis Perasmian Minggu Mesra Siswa 2006 di sini semalam.

Minggu Mesra Siswa yang berlangsung pada 1 Julai hingga 7 Julai itu bertujuan untuk memperkenalkan UiTM secara amnya dan kehidupan sebagai seorang mahasiswa di kampus.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UiTM, Prof. Dr. Nasuddin Othman turut menyarankan para pelajar supaya menggunakan peluang yang ada di UiTM untuk memperbaiki kelemahan diri.

Jelasnya, universiti merupakan tempat permulaan perjuangan bagi setiap pelajar kerana di sini terdapat pelbagai cabaran yang perlu ditempuhi oleh mereka.



PELAJAR baru UiTM bersorak gembira pada perasmian Minggu Mesra Siswa 2006 di Shah Alam semalam.